

CENTRE FOR INSTRUCTOR AND ADVANCED SKILL TRAINING (CIAS)
DEPARTMENT OF SKILLS DEVELOPMENT
MINISTRY OF HUMAN RESOURCES

SkillsMalaysia Journal

Kajian Tahap Penerimaan Masyarakat Terhadap Program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)

Shamsudin Jamil¹ , Juliana Jopely² , Norizan Mohd Shahbaki³ , Ruminah M. Zain⁴ ,
Noriswati Ab. Rahim⁵ , Abdul Hanif Ludin⁶ , Susana Ling Hie King⁷ , Safiza Saleh⁸ ,
Roziyati Abdullah⁹ , Azlinda Mohd. Nor¹⁰ , Sariyah Adam¹¹ , Roslan Salim¹² , Supawi
Osman¹³ , Kamal Azhar Iberahim¹⁴ , Haniza Burhan¹⁵

^{1,2} Jabatan Pembangunan Kemahiran, Wilayah Tengah, Selangor

^{3,4,5,6,7,8,9,10} Jabatan Pembangunan Kemahiran, Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya

^{11,12,13,14} Jabatan Pembangunan Kemahiran, Cyberjaya, Selangor

¹⁵ Center for Instructor and Advanced Skill Training (CIAS), Shah Alam, Selangor

Abstrak

Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) telah dipilih Kerajaan pada tahun 2004 kerana kemampuannya mempersiapkan pelajar lepasan sekolah dengan kemahiran yang diperlukan di mana ianya melibatkan industri secara langsung dalam proses latihan. Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah dimandatkan menjadi penyelaras program SLDN untuk membangunkan seramai 31,500 k-pekerja menjelang 2010 (NVTC, 2005). Namun begitu, sasaran ini masih belum tercapai jika dilihat dari sudut bilangan penyertaan perantis dan syarikat mahupun dari sudut persijilan pelajar. Sehubungan itu, satu kajian perlu dijalankan untuk mengenal pasti status penerimaan masyarakat terhadap program ini. Secara khususnya, kajian ini bertujuan bagi a) mengenalpasti faktor penyumbang terhadap penerimaan masyarakat berkenaan Konsep Latihan, Kurikulum, Kemahiran Teknikal & Sosial, Insentif, Prasarana Latihan, Imej & Kebanggaan Kerja, Kebolehkeraan dan Promosi SLDN; b) mengenalpasti kaedah penambahbaikan terhadap penerimaan masyarakat berkenaan Konsep Latihan, Kurikulum, Kemahiran Teknikal & Sosial, Insentif, Prasarana Latihan, Imej & Kebanggaan Kerja dan Kebolehkeraan; c) mengenalpasti maklum balas masyarakat terhadap pengetahuan dalam bidang kemahiran dan d) mencadangkan kerangka kerja dalam mempertingkatkan tahap penerimaan masyarakat terhadap SLDN. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan juga kualitatif. Data kuantitatif diperolehi melalui borang soalselidik daripada 872 responden (syarikat, pusat latihan, perantis, ibubapa, *Non Government Organisation* (NGO) & pelajar sekolah) yang dipilih secara rawak yang merangkumi enam (6) zon di seluruh Malaysia. Manakala data kualitatif diperolehi melalui perbincangan kumpulan terfokus yang melibatkan enam (6) kategori responden tersebut. Secara umumnya, hasil kajian mendapati tahap penerimaan masyarakat yang mengetahui dan menerima program SLDN ini adalah tinggi. Hasil analisis kajian menunjukkan insentif merupakan faktor penyumbang utama penerimaan masyarakat terhadap program SLDN manakala imej dan kebanggaan kerja dipilih sebagai kaedah penambahbaikan utama yang diperlukan bagi meningkatkan tahap penerimaan masyarakat. Selain itu, masyarakat yang tidak mengetahui program SLDN juga memberikan maklum balas yang positif terhadap latihan kemahiran di Malaysia. Berdasarkan hasil daripada dapatan kajian dan perbincangan, satu kerangka kerja telah dicadangkan untuk mempertingkatkan tahap penerimaan masyarakat terhadap SLDN.

Kata Kunci: penerimaan masyarakat, faktor penyumbang, faktor penambahbaikan, SLDN

Pengenalan


Negara memerlukan 33% tenaga kerja berkemahiran tinggi menjelang 2015 dan 50% menjelang 2020 bagi merealisasikan status negara maju dan berpendapatan tinggi (RMKe-10, 2010). Usaha ke arah mempergiatkan pembangunan modal insan ini telah dilakukan kerajaan melalui pelbagai program. Salah satu daripadanya adalah SLDN yang dilaksanakan sejak tahun 2005 dan diselenggarakan oleh JPK di bawah KSM.

Konsep SLDN bersandarkan kepada pembelajaran dalam dua (2) lokasi iaitu 70% hingga 80% komponen praktikal di persekitaran kerja industri dan 20% hingga 30% komponen teori di pusat latihan. Pendekatan ini bertujuan untuk membangunkan pekerja mahir yang kompetensinya bersesuaian dengan kehendak industri. Pendekatan latihan SLDN digunakan supaya perantis mempunyai keupayaan berdikari dan mengendalikan pembelajaran secara sendiri. Oleh itu, salah satu kompetensi penting yang perlu dimiliki oleh setiap perantis ialah mengenai pembelajaran berterusan dan metodologi. Setiap perantis diharapkan komited dengan pembelajaran sepanjang hayat dan mempunyai kemahiran untuk menyelesaikan masalah (JPK,2009).

Ciri paling unik yang terdapat pada program SLDN ialah “keperluan jurulatih dan pengajar menerapkan atau menggabungkan nilai kemahiran sosial dan kemanusiaan di samping kemahiran pembelajaran dan metodologi secara jelas dalam proses pengajaran atau penyampaian kandungan teknikal. Hal ini merupakan komponen nilai tambah yang diperlukan oleh pekerja di dunia kompetitif pada masa ini” (JPK, 2008).

Pendedahan perantis SLDN pada “kurikulum teknikal yang diintegrasikan dengan kemahiran dan nilai sosial ialah sebagai persiapan untuk memenuhi kehendak majikan dan pelanggan. Maka SLDN boleh dilabelkan sebagai sistem latihan teknikal dan sistem latihan kemanusiaan. Kekuatan sistem latihan ini terletak pada gabungan kompetensi teknikal dan kompetensi kemanusiaan” (JPK, 2008).

Rajah 1 menunjukkan sasaran program SLDN dari awal kemunculannya sehingga tahun 2012. Sasaran terhadap perantis adalah sebanyak 31,500 orang manakala sasaran terhadap syarikat pula sebanyak 6,300 buah syarikat.



(NVTC, 2005)

Rajah 1: Sasaran Penyertaan Perantis dan Syarikat pada Tahun 2005-2010

Jadual 1 menunjukkan penglibatan sebenar perantis dan syarikat dalam program SLDN. Penglibatan perantis dan syarikat sangat menggalakkan daripada tahun 2005 sehingga tahun 2009. Pada tahun 2009, jumlah perantis yang menyertai SLDN adalah sebanyak 15,705 orang perantis berbanding sasaran sebanyak 8,000 orang perantis. Perkembangan positif juga berlaku kepada penglibatan syarikat kerana daripada empat (4) syarikat sahaja yang menyertai SLDN pada tahun 2005 terus meningkat kepada 642 buah syarikat pada tahun 2009.

Jadual 1: Statistik Penyertaan Perantis dan Syarikat Tahun 2005 – 2011

TAHUN	PERANTIS	JUMLAH TERKUMPUL	PENGLIBATAN SYARIKAT	JUMLAH TERKUMPUL
2005	70	70	4	4
2006	163	233	3	7
2007	1,878	2,111	36	43
2008	5,912	8,023	297	340
2009	15,705	23,728	642	982
2010	1,293	25,021	46	1,028
2011	6,947	31,968	353	1,381

(Q-fact SLDN, Jun 2012)

Namun perkembangan positif ini merosot pada tahun 2010 dengan hanya 1,293 orang perantis dan 46 buah syarikat menyertai SLDN pada tahun tersebut berbanding tahun sebelumnya. Kajian ini diharap dapat menjawab persoalan penurunan penyertaan serta penambahbaikan yang dapat dilakukan untuk menangani isu tersebut.

Pada tahun 2012, JPK telah menjalankan satu kajian terhadap Tahap Penerimaan Masyarakat terhadap Sistem Latihan Kemahiran di Malaysia, di mana dapatan kajian menunjukkan:

- i. Secara keseluruhannya, golongan pelajar dan ibu bapa masih lagi meletakkan bidang akademik sebagai pilihan utama (60% hingga 67% akademik dan 33% hingga 40% kemahiran).
- ii. Tahap penerimaan latihan kemahiran bagi pelajar dan ibu bapa serta masyarakat Malaysia masih lagi rendah. Tidak ada perbezaan yang ketara antara responden pelajar dengan responden ibu bapa terhadap penerimaan latihan kemahiran. Kajian juga mendapati tidak ada perbezaan yang signifikan antara kaum dalam kalangan responden pelajar dan responden ibu bapa terhadap penerimaan latihan kemahiran.

(JPK, 2012)

Namun begitu kajian yang telah dibangunkan lebih menjurus kepada latihan kemahiran di Malaysia secara amnya. Manakala jumlah penyertaan SLDN yang semakin berkurang menunjukkan tahap penerimaan masyarakat terhadap SLDN semakin merosot.

Oleh yang demikian, kajian ini akan membincangkan faktor penerimaan masyarakat terhadap SLDN dan seterusnya mengenal pasti kaedah penambahbaikan bagi meningkatkan tahap penerimaan masyarakat terhadap SLDN. Kajian ini juga akan mengenal pasti maklum balas masyarakat iaitu ibu bapa, pelajar dan NGO terhadap pengetahuan dalam SLDN di Malaysia.

Metodologi

Bagi melaksanakan kajian ini dengan efektif, metodologi yang dirangka adalah melibatkan pemilihan reka bentuk, kaedah pengumpulan data secara kuantitatif dan kualitatif, penentuan populasi dan pemilihan sampel, ujian rintis dan kaedah penganalisan data. Kaedah pengumpulan data secara kualitatif menggunakan kaedah perbincangan kumpulan terfokus (focus group discussion-FGD).

Enam (6) kategori responden telah dikenal pasti dalam kajian ini, iaitu syarikat SLDN, pusat latihan SLDN, perantis, ibu bapa, NGO dan pelajar sekolah melibatkan enam (6) zon, iaitu Zon Utara, Zon Tengah, Zon Selatan, Zon Timur, Zon Sabah dan Zon Sarawak. Daripada 1,380 borang soal selidik yang telah diedarkan, sejumlah 872 borang telah dijawab. Jumlah dapatan yang diterima dapat mewakili keseluruhan populasi berasaskan kaedah penentuan saiz sampel oleh *Krejcie dan Morgan* (1970).

Jadual 2: Kategori responden

Kategori Responden	Populasi (N)	Sampel (n)	Jumlah Dapatan
Syarikat SLDN	1733	300	93
Pusat Latihan SLDN	1613	300	133
Perantis	26724	180	174
Ibubapa	26724	180	207
NGO	1059	120	53
Pelajar Sekolah	1362	300	212
Jumlah	59215	1380	872

Kaedah pengumpulan data secara kuantitatif menggunakan borang soal selidik dengan skala *likert* 1 sehingga 5 dan mengandungi *neutral point* iaitu 3 yang bermaksud tidak pasti. Jadual 3 menunjukkan julat skala min yang digunakan.

Jadual 3 : Julat Skala Min

JULAT	TAHAP
3.34 - 5.00	Tinggi
1.68 - 3.33	Sederhana
0.02 - 1.67	Rendah

Borang soal selidik terbahagi kepada kepada 5 komponen utama seperti Jadual 4. Faktor penyumbang mempunyai lapan (8) konstruk termasuk konsep latihan, kurikulum, kemahiran teknikal dan sosial, insentif, prasarana latihan, kebolehkeraan, imej dan kebanggaan kerja serta promosi. Kaedah penambahbaikan terhadap program SLDN pula merangkumi tujuh (7) konstruk item seperti konsep latihan, kurikulum, kemahiran teknikal dan social, insentif, prasarana latihan, kebolehkeraan, dan imej dan kebanggaan kerja.

Jadual 4 : Kategori dalam borang soal selidik

Bahagian	Kategori Soal Selidik	Kaedah Analisa Data
A	Maklumat Demografi	Nominal, Interval
B	Faktor yang menyumbang kepada penerimaan masyarakat terhadap SLDN (8 faktor)	Ordinal
C	Kaedah Penambahbaikan bagi memastikan penerimaan masyarakat terhadap program SLDN (7 faktor)	Ordinal
D	Pengetahuan dalam bidang kemahiran	Ordinal
E	Ulasan terhadap program SLDN (jika ada)	Ulasan terbuka

Ujian kebolehpercayaan dilakukan terlebih dahulu bagi memastikan semua konstruk di dalam borang soal selidik adalah relevan. Analisis kebolehpercayaan bagi setiap faktor yang telah ditetapkan dilakukan dengan menggunakan *Alpha Cronbach* di mana ia merupakan pekali kebolehpercayaan yang menunjukkan konstruk kajian yang berhubungan antara satu dengan lain. *Krejcie dan Morgan* (1970) menyatakan nilai yang kurang daripada 0.6 adalah kurang kebolehpercayaannya tetapi masih boleh diterima, nilai 0.7 boleh diterima dan jika nilainya melebihi 0.8 kebolehpercayaannya adalah tinggi.

Dapatan Kajian

Dapatan kajian akan membincangkan berkenaan dengan a) faktor penyumbang kepada penerimaan masyarakat terhadap SLDN, b) kaedah penambahbaikan bagi meningkatkan penerimaan masyarakat terhadap SLDN, dan c) tahap pengetahuan masyarakat terhadap bidang kemahiran di Malaysia. Dapatan kajian diperolehi berdasarkan nilai min daripada analisa borang soal selidik dan disokong oleh data kualitatif daripada kajian terfokus. Nilai skor min yang tertinggi menunjukkan faktor tersebut diterima dan dipersetujui sebagai faktor utama bagi kajian ini.

Faktor penyumbang kepada penerimaan masyarakat terhadap SLDN

Jadual 5 sehingga Jadual 10 menunjukkan skor min bagi faktor penyumbang kepada penerimaan masyarakat terhadap SLDN mengikut kategori responden. Daripada jadual ini dapat dirumuskan bahawa syarikat SLDN, Pusat Latihan SLDN, dan ibubapa memilih faktor insentif dipilih sebagai faktor penyumbang kepada penerimaan masyarakat terhadap SLDN berdasarkan skor min yang tertinggi berbanding faktor penyumbang yang lain. Perantis dan NGO memilih faktor promosi manakala pelajar sekolah berpendapat faktor kebolehkerjaan menjadi faktor penyumbang utama.

Jadual 5: Min Faktor Penyumbang bagi kategori Syarikat SLDN

FAKTOR PENYUMBANG	MIN
Konsep Latihan	4.3051
Kurikulum	4.2540
Kemahiran Teknikal dan Sosial	4.2083
<i>Insentif</i>	4.5357
Prasarana Latihan	4.1917
Imej dan Kebanggaan Kerja	4.1690
Kebolehkerjaan	4.2083
Promosi	4.4315

Jadual 6: Min Faktor Penyumbang bagi kategori Pusat Latihan SLDN

FAKTOR PENYUMBANG	MIN
Konsep Latihan	4.3299
Kurikulum	4.2418
Kemahiran Teknikal dan Sosial	4.2377
<i>Insentif</i>	4.4713
Prasarana Latihan	4.1672
Imej dan Kebanggaan Kerja	4.1951
Kebolehkerjaan	4.2787
Promosi	4.4652

Jadual 7: Min Faktor Penyumbang bagi kategori Ibubapa

FAKTOR PENYUMBANG	MIN
Konsep Latihan	3.9509
Kurikulum	3.9847
Kemahiran Teknikal dan Sosial	4.0031
<i>Insentif</i>	4.0583
Prasarana Latihan	3.8890
Imej dan Kebanggaan Kerja	3.9485
Kebolehkerjaan	4.0445
Promosi	4.0376

Jadual 8: Min Faktor Penyumbang bagi kategori Perantis

FAKTOR PENYUMBANG	MIN
Konsep Latihan	4.2034
Kurikulum	4.1394
Kemahiran Teknikal dan Sosial	4.2152
Insentif	4.2712
Prasarana Latihan	3.7315
Imej dan Kebanggaan Kerja	4.0667
Kebolehkerjaan	4.1697
Promosi	4.3205

Jadual 9: Min Faktor Penyumbang bagi kategori NGO

FAKTOR PENYUMBANG	MIN
Konsep Latihan	4.1477
Kurikulum	3.8586
Kemahiran Teknikal dan Sosial	4.0505
Insentif	4.1970
Prasarana Latihan	3.8758
Imej dan Kebanggaan Kerja	3.9455
Kebolehkerjaan	4.0227
Promosi	4.2348

Jadual 10: Min Faktor Penyumbang bagi kategori Pelajar Sekolah

FAKTOR PENYUMBANG	MIN
Konsep Latihan	3.5000
Kurikulum	3.6429
Kemahiran Teknikal dan Sosial	3.5238
Insentif	3.5714
Prasarana Latihan	3.7571
Imej dan Kebanggaan Kerja	3.7429
Kebolehkerjaan	3.8214
Promosi	3.6607

Kaedah Penambahbaikan

Jadual 11 sehingga Jadual 15 pula masing-masing menunjukkan skor min bagi kaedah penambahbaikan bagi meningkatkan tahap penerimaan masyarakat terhadap SLDN. Daripada jadual tersebut dapat dilihat bahawa Pusat Latihan memilih kemahiran teknikal dan sosial sebagai kaedah penambahbaikan SLDN diikuti kebolehkerjaan oleh perantis, ibubapa dan pelajar sekolah manakala NGO pula memilih imej dan kebanggaan kerja.

Jadual 11: Min Kaedah Penambahbaikan bagi kategori Pusat Latihan SLDN

KAEDAH PENAMBAHBAIKAN	MIN
Konsep Latihan	4.0451
Kurikulum	4.3337
Kemahiran Teknikal dan Sosial	4.4852
Insentif	4.3902
Prasarana Latihan	4.2883
Imej dan Kebanggaan Kerja	4.3258
Kebolehkerjaan	4.4406

Jadual 12: Min Kaedah Penambahbaikan bagi kategori Perantis

KAEDAH PENAMBAHBAIKAN	MIN
Konsep Latihan	3.9121
Kurikulum	4.1455
Kemahiran Teknikal dan Sosial	4.2552
Insentif	4.2179
Prasarana Latihan	4.3828
Imej dan Kebanggaan Kerja	4.3652
<i>Kebolehkerjaan</i>	<i>4.4470</i>

Jadual 13: Min Kaedah Penambahbaikan bagi kategori Ibubapa

KAEDAH PENAMBAHBAIKAN	MIN
Konsep Latihan	3.8558
Kurikulum	3.9865
Kemahiran Teknikal dan Sosial	4.1387
Insentif	4.1227
Prasarana Latihan	4.2280
Imej dan Kebanggaan Kerja	4.2531
<i>Kebolehkerjaan</i>	<i>4.3298</i>

Jadual 14: Min Kaedah Penambahbaikan bagi kategori Pelajar Sekolah


KAEDAH PENAMBAHBAIKAN	MIN
Konsep Latihan	3.7500
Kurikulum	3.6000
Kemahiran Teknikal dan Sosial	3.8571
Insentif	3.7143
Prasarana Latihan	3.9762
Imej dan Kebanggaan Kerja	3.7857
<i>Kebolehkerjaan</i>	<i>4.1429</i>

Jadual 15: Min Kaedah Penambahbaikan bagi kategori NGO

KAEDAH PENAMBAHBAIKAN	MIN
Konsep Latihan	3.9242
Kurikulum	4.0727
Kemahiran Teknikal dan Sosial	4.1939
Insentif	4.1273
Prasarana Latihan	4.2121
<i>Imej dan Kebanggaan Kerja</i>	<i>4.2879</i>
<i>Kebolehkerjaan</i>	<i>4.2576</i>

Pengetahuan Bidang kemahiran

Analisa terhadap pengetahuan bidang kemahiran di Malaysia juga dikaji bagi responden yang tidak mengetahui berkenaan dengan program SLDN. Daripada Rajah 2, didapati 34.2% responden yang terdiri daripada pelajar sekolah, NGO dan ibubapa tidak mengetahui wujudnya sistem SLDN di Malaysia. Namun mereka menyedari tentang latihan kemahiran dan bersetuju latihan kemahiran boleh menyediakan peluang kerjaya yang berpendapatan tinggi dari segi kemahiran praktikal berdasarkan kepada skor min yang tertinggi jika dirujuk kepada Jadual 16 sehingga Jadual 18.



Rajah 2: Tahap Pengetahuan Responden Tentang Program SLDN

Jadual 16: Min Pengetahuan Bidang Kemahiran bagi kategori Ibu Bapa

PENGETAHUAN BIDANG KEMAHIRAN	MIN
Tidak Menjamin Masa Depan	1.7955
Untuk Lulusan Akademik Rendah	2.4091
Kurang Kemampuan Kewangan	3.9318
Pelajar Tidak Minat Akademik	3.3182
Bagi Kemahiran Praktikal	4.2045
Matapelajaran Berkait Rapat dengan Kerjaya	4.0909
<i>Sedia Peluang Kerjaya</i>	4.2727
<i>Berpendapatan Tinggi</i>	4.2727
Jamin Kerjaya Stabil	4.0227
Selari Pembangunan Negara Maju	4.1136
Pilihan Pertama Tenaga Kerja Berkemahiran	4.2045

Jadual 17: Min Pengetahuan Bidang Kemahiran bagi kategori NGO

PENGETAHUAN BIDANG KEMAHIRAN	MIN
Tidak Menjamin Masa Depan	1.4000
Untuk Lulusan Akademik Rendah	1.7000
Kurang Kemampuan Kewangan	3.4000
Pelajar Tidak Minat Akademik	3.1000
<i>Bagi Kemahiran Praktikal</i>	4.5500
Matapelajaran Berkait Rapat dengan Kerjaya	4.0500
Sedia Peluang Kerjaya	4.5000
Berpendapatan Tinggi	4.2000
Jamin Kerjaya Stabil	4.2500
Selari Pembangunan Negara Maju	4.2000
Pilihan Pertama Tenaga Kerja Berkemahiran	4.2632

Jadual 18: Min Pengetahuan Bidang Kemahiran bagi kategori Pelajar Sekolah

PENGETAHUAN BIDANG KEMAHIRAN	MIN
Tidak Menjamin Masa Depan	2.0780
Untuk Lulusan Akademik Rendah	2.4049
Kurang Kemampuan Kewangan	3.7561
Pelajar Tidak Minat Akademik	3.2488
Bagi Kemahiran Praktikal	3.9902
Matapelajaran Berkait Rapat dengan Kerjaya	4.0195
Sedia Peluang Kerjaya	4.1902
Berpendapatan Tinggi	3.8049
Jamin Kerjaya Stabil	3.7951
Selari Pembangunan Negara Maju	3.9512
Pilihan Pertama Tenaga Kerja Berkemahiran	3.7317

Daripada dapatan kajian ini dapat dirumuskan bahawa:

- i. Setiap golongan masyarakat yang diwakili oleh enam (6) kategori responden dalam kajian ini semuanya bersetuju bahawa kesemua lapan (8) faktor tersebut adalah faktor penyumbang kepada tahap penerimaan masyarakat terhadap SLDN memandangkan kesemua skor min melebihi 3.5.
- ii. Jika dikaji secara keseluruhan skor min, tiga (3) faktor penyumbang utama penerimaan masyarakat terhadap SLDN ialah **insentif, promosi dan konsep latihan** kerana mempunyai nilai skor min yang tinggi seperti yang ditunjukkan pada Jadual 19.

Jadual 19 : Faktor Penyumbang Menurut Semua Kategori Responden

FAKTOR PENYUMBANG	MIN
Insentif	4.2792
Promosi	4.2742
Konsep Latihan	4.1617
Imej dan Kebanggaan Kerja	4.1503
Kemahiran Teknikal dan Sosial	4.1408
Kurikulum	4.1118
Kebolehkerjaan	4.0645
Prasarana Latihan	3.8488

Jika dirujuk kembali kepada Jadual 1, penyertaan perantis dan syarikat meningkat pada tahun 2009 disebabkan pemberian insentif oleh kerajaan bagi menggalakkan penglibatan syarikat dan perantis dalam program ini. Namun penyertaan tersebut menurun selepas tahun 2009 kerana kerajaan membatalkan pemberian insentif. Ini menunjukkan betapa pentingnya faktor insentif dalam menyumbang kepada penerimaan terhadap SLDN.

- iii. **Imej dan Kebanggaan Kerja, Kebolehkerjaan dan Kemahiran Teknikal dan Sosial** merupakan tiga (3) kaedah penambahbaikan yang mempunyai nilai min yang tinggi sebagaimana yang ditunjukkan pada jadual 20. Dapatan kajian ini juga selaras dengan hasil dapatan kajian yang telah dijalankan oleh JPK, bertajuk 'Tahap Penerimaan Masyarakat Terhadap Latihan Kemahiran Di Malaysia' (JPK, 2012) yang mendapati faktor imej merupakan faktor utama yang menyumbang kepada tahap penerimaan masyarakat terhadap latihan kemahiran. Selain itu, kajian tersebut menunjukkan faktor-faktor lain seperti kebolehkerjaan, prospek kerjaya, jaminan kerja dan gaji juga menyumbang kepada faktor penyumbang kepada tahap penerimaan masyarakat terhadap latihan kemahiran.


Jadual 20 : Kaedah Penambahbaikan mengikut semua kategori Responden

KAEDAH PENAMBAHBAIKAN	MIN
Imej dan Kebanggaan Kerja	4.3820
Keboleherjaan	4.2853
Kemahiran Teknikal dan Sosial	4.2796
Prasarana Latihan	4.2587
Insentif	4.2323
Kurikulum	4.1606
Konsep Latihan	3.9251

Secara keseluruhannya, semua kategori responden yang tidak mengetahui program ini masih berpandangan positif terhadap latihan kemahiran. Mereka amat tidak bersetuju dengan kenyataan yang menyatakan bahawa latihan kemahiran tidak menjamin masa depan yang cerah dan hanya untuk lulusan akademik yang rendah sahaja.

Rumusan dan Perbincangan

Hasil dapatan kajian telah membuktikan bahawa wujudnya sokongan penuh dengan kaedah penambahbaikan yang mencukupi untuk diterapkan bagi memastikan peningkatan penerimaan masyarakat terhadap program SLDN. Berdasarkan dapatan kajian, satu kerangka kerja telah dicadangkan seperti Rajah 3 untuk meningkatkan tahap penerimaan masyarakat terhadap SLDN serta usaha penambahbaikan yang perlu dilakukan bagi merealisasikan matlamat SLDN bagi melahirkan pekerja mahir yang berkualiti.



Rajah 3 : Cadangan Kerangka Kerja Peningkatan Penerimaan Masyarakat Terhadap Program SLDN

Jadual 21 : Pelan tindakan bagi faktor penyumbang dan faktor penambahbaikan tahap penerimaan masyarakat terhadap SLDN

Faktor Penyumbang	
a) Insentif	<ul style="list-style-type: none"> • pelan pemberian insentif perlu dirangka oleh JPK dengan berlandaskan kepada kriteria yang jelas. • insentif yang diberikan hendaklah memberi kelebihan kepada JPK dan juga syarikat
b) Promosi	<ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti promosi dengan kos yang lebih rendah namun efektif seperti roadshow • "Success stories" SLDN yang boleh dibanggakan • Kerjasama dengan syarikat-syarikat besar (Government Link Company-GLC dan Multinational Link Company-MNC) bagi menjalankan SLDN • <i>Helpdesk</i> yang fokus kepada SLDN di semua pejabat wilayah JPK

c) Konsep Latihan	<ul style="list-style-type: none"> Berorientasikan secara eksklusif pada syarikat yang mempunyai teknologi maju dan berkemampuan untuk menjalankan SLDN. Ini bagi memastikan latihan yang dijalankan benar-benar mencapai kualiti yang dijalankan. Calon perantis yang diterima hanya terbatas pada pelajar cemerlang yang memiliki bakat teknikal dan sosial supaya pembangunan k-pekerja mencapai kemahiran teknikal dan sosial yang dikehendaki industri teknologi maju
Faktor Penambahbaikan	
a) Imej dan kebanggaan kerja	<ul style="list-style-type: none"> Berkolaborasi dengan pengusaha-pengusaha yang menjalankan perniagaan berasaskan teknologi pilihan utama negara (National Key Economic Area-NKEA) mewujudkan hanya satu (1) program SLDN berbanding sedia ada (SLDN khas, SLDN biasa, SLDN <i>in-house</i>) untuk mengelakkan kekeliruan masyarakat Pengiktirafan persijilan oleh industri terutamanya GLC dan MNC dengan memaparkan logo syarikat pada sijil yang dikeluarkan oleh JPK
b) Keboleherjaan	<ul style="list-style-type: none"> Jaminan kerja kepada semua perantis SLDN Mewajibkan GLC dan MNC mengambil semua graduan SLDN bekerja manakala bagi syarikat SME pula pengambilan graduan SLDN adalah mengikut peratusan
c) Kemahiran teknikal dan sosial	<ul style="list-style-type: none"> JPK memerlukan calon perantis yang berkaliber iaitu yang memiliki potensi sosial dan teknikal tinggi iaitu: <ul style="list-style-type: none"> a) Pelajar sekolah yang memiliki kecerdasan teknikal dan sosial yang tinggi; b) Pekerja yang mampu menunjukkan '<i>track record</i>' yang cemerlang pada prestasi dan ketrampilan sosial dan teknikal di tempat kerja; dan c) Graduan yang memiliki kelulusan cemerlang di bidang teknikal dan sosial

Daripada kerangka kerja yang dicadangkan, kesemua lapan (8) faktor penyumbang dan tujuh (7) faktor penambahbaikan bagi meningkatkan tahap penerimaan masyarakat terhadap SLDN disusun mengikut keutamaan nilai skor min di mana faktor yang mempunyai nilai min yang tertinggi diletakkan paling hampir dengan titik tengah (K-Workers) yang berkualiti. Jadual 21 menunjukkan pelan tindakan daripada hasil dapatan kajian.

Kesimpulan

Kajian ini telah mengenalpasti faktor penyumbang utama tahap penerimaan masyarakat terhadap program SLDN dan kaedah penambahbaikan yang sesuai bagi memastikan peningkatan penerimaan masyarakat. Faktor utama yang telah dikenalpasti adalah insentif, promosi dan konsep latihan manakala kaedah penambahbaikan meliputi faktor-faktor seperti imej dan kebanggaan kerja, keboleherjaan serta kemahiran teknikal dan sosial. Masyarakat yang tidak mengetahui program SLDN juga memberi maklumbalas yang positif terhadap latihan kemahiran di Malaysia. Daripada dapatan kajian tersebut, satu kerangka kerja telah dibangunkan bagi meningkatkan tahap penerimaan masyarakat terhadap SLDN.

Rujukan

- JPK (2008). Buku Panduan Kemahiran Sosial dan Nilai Sosial Dalam Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional. Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia.
- JPK (2009). Panduan dan Peraturan Pelaksanaan SLDN. Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia.
- JPK (2012). Kajian Tahap Penerimaan Masyarakat terhadap Latihan Kemahiran di Malaysia. Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia.
- Krejcie, R. & Morgan, D. (1970). *Determining sample size for research activities*. Educational and psychological measurement. No. 30, 1970, pp. 607-610.
- NVTC (2005). *Implementation of The National Dual Training System: Guides and Rules*. Second Edition. National Vocational Training Council, Ministry of Human Resources.
- Q-fact JPK, Jun 2012, <http://www.dsd.gov.my/index.php/ms/statistik-2012/550-statistik-2012>.
- Rancangan Malaysia (2010). Rancangan Malaysia Ke Sepuluh, 2011 – 2015. Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.